



FINAL EXAMINATION
JULY 2022

COURSE TITLE	PENGAJIAN MALAYSIA 2
COURSE CODE	MPU2163
DATE/DAY	18 OCTOBER 2022 / TUESDAY
TIME/DURATION	02:30 PM - 04:30 PM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 4 Printed Pages including front page)

*****DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO*****

BAHAGIAN A

(20 Markah)

Bahagian ini mengandungi **SEMBILAN (9)** soalan. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan yang dikemukakan dalam buku jawapan yang disediakan.

1. Beliau merupakan bendahari kerajaan yang mengawal perbendaharaan negara. Beliau bertanggungjawab memungut cukai dan hasil negeri. Beliau juga menyimpan daftar hamba raja dan ketua bagi semua syahbandar.

Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi pembesar utama kerajaan Melayu Melaka yang memegang jawatan sebagai _____.

2. Pihak penjajah ini telah memberikan pelbagai kesan positif dan negatif terhadap masyarakat di Tanah Melayu. Pelbagai pembaharuan bentuk pentadbiran diperkenalkan, seperti Sistem Residen dan Desentralisasi 1920-1941. Pendudukannya telah menyaksikan kemunculan ramai pejuang anak watan yang sanggup berjuang dan berkorban untuk membebaskan tanah air.

Pihak penjajah yang dimaksudkan ialah _____.

3. Selain perjuangan secara individu, kelompok, akhbar dan majalah, gerakan nasionalisme di Tanah Melayu turut diperjuangkan melalui _____.
4. Tokoh nasionalisme yang banyak memperjuangkan idea nasionalisme dalam akhbar *al-Imam*, *al-Manar* dan *Saudara* ialah _____.
5. Berikan **DUA (2)** faktor politik yang mendorong penubuhan Malaysia 1963.

a. _____

b. _____

6. Badan ini berperanan sebagai penggubal dan pelaksana dasar tertinggi negara. Badan ini dibarisi oleh mereka yang memenangi pilihan raya secara majoriti.

Badan yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas ialah _____.

7. Perkhidmatan awam Malaysia diketuai oleh _____.

8. Sistem Kabinet merupakan satu bentuk kerajaan dan sistem pemerintahan yang diamalkan pada masa kini oleh kebanyakan negara. Sistem ini sebenarnya diasaskan di _____.

9. Kementerian ini diwujudkan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar melalui usaha pembangunan infrastruktur, pembangunan pertanian, penggalakan industri luar bandar, pembangunan pusat pertumbuhan luar bandar dan pembangunan wilayah-wilayah yang mundur.

Kementerian yang dimaksud di atas ialah _____.

TUNIRAZAK
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.

BAHAGIAN B

(10 Markah)

Anda dikehendaki menjawab SEMUA soalan berikut pada buku jawapan yang disediakan.

1. Kewujudan Perlembagaan Persekutuan Malaysia membuktikan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan.
 - a. Sebutkan **DUA (2)** fungsi perlembagaan persekutuan ini. (4 markah)
 - b. Pada pendapat anda, adakah perlembagaan persekutuan ini masih relevan untuk dijadikan panduan untuk memacu pentadbiran negara Malaysia supaya menjadi sebuah negara maju dan berperadaban di masa hadapan? Berikan hujah anda. (6 markah)

*** KERTAS SOALAN TAMAT ***

UNIRAZAK
UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
Copying, modifying, or reprinting, is not permitted.